

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9976

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca kelewatan pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam. Berapakah kos pembinaan Kompleks (ICQS) tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaran tin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dilaksanakan melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta. Kelewatan pelaksanaan projek pembinaan ini disebabkan pemaju mengalami masalah dengan pembiaya utama mereka iaitu pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Namun telah diatasi selepas pemaju projek mendapatkan pembiayaan daripada Institusi Kewangan yang lain. Selain itu, kelewatan projek juga disebabkan isu-isu melibatkan kelulusan Lembaga Lebuhraya dan PLUS Berhad bagi kerja-kerja pelebaran dan pelencongan jalan utama serta kelewatan pengalihan utiliti oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia. Selain itu, sebahagian tapak projek ini turut dicerobohi oleh pengusaha tempat letak kereta tidak berlesen sekali gus menyumbang kepada kelewatan projek.

Kemajuan projek ini dipantau rapi oleh YAB Timbalan Perdana Menteri melalui pelaporan mingguan. Beliau juga telah turun padang melihat kemajuan kerja di tapak pada bulan April dan Jun 2017. Isu kelewatan ini sedang/telah diambil tindakan sewajarnya oleh pemaju dan Kementerian. Kerja-kerja pembinaan pada masa ini sedang berjalan dengan rancak. Sementara itu, kos pembinaan bagi projek ini ialah sebanyak RM385 juta.

SOALAN (53)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 JULAI 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]

SOALAN :

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH] minta PERDANA MENTERI menyatakan unjuran terkini
ekonomi negara hingga Jun atau separuh pertama 2017.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017, ekonomi Malaysia dianggarkan akan berkembang pada kadar 4.3 - 4.8 peratus seperti yang dilaporkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Mac 2017. Meskipun begitu, unjuran ini akan disemak semula berdasarkan prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan terutamanya pada suku pertama 2017 di mana Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.6 peratus.

Bagi tempoh suku kedua 2017, ekonomi negara dijangka akan mengekalkan momentum pertumbuhan berdasarkan indikator ekonomi semasa, seperti peningkatan pengeluaran komoditi utama, perkembangan aktiviti perindustrian dan prestasi pertumbuhan dua digit bagi perdagangan luar. Selain itu, kerancakan ekonomi domestik terutamanya pelaburan swasta turut menyumbang kepada pengukuhan ekonomi bagi suku kedua 2017.

Berdasarkan indikator di atas serta pemulihan ekonomi global, ekonomi negara dijangkakan berkembang dengan lebih baik pada separuh

pertama tahun 2017 berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Jangkaan peningkatan ini adalah sejajar dengan unjuran daripada pelbagai agensi penarafan antarabangsa seperti Barclays, JP Morgan Chase dan Nomura Securities yang turut menjangkakan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini melebihi paras 5.0 peratus. Prestasi yang positif ini juga adalah hasil perlaksanaan program dan projek berimpak tinggi yang dijalankan oleh Kerajaan dalam memastikan keupayaan negara untuk menghadapi ketidaktentuan ekonomi global yang mencabar.

Sekian. Terima kasih.

27 Julai 2017